

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran  
Enche Hussein Onn Merasmikan  
Pembukaan Pameran Angkatan Ten-  
tera Malaysia di-Muzium Negara  
Pada 30.1.1971, jam 11.00 pagi.

---

Y.B. Tuan Hakim Tan Sri Suffian,  
Y.B. Jeneral Tan Sri Ibrahim,  
Tuan2 dan Puan2 sekelian.

Saya perchaya semenjak Muzium ini di-buka dalam tahun 1963, ini-lah pertama kali-nya satu Pameran menggambarkan Angkatan Tentera Malaysia di-pertunjukkan kepada orang ramai, dan saya sungguh berasa bangga kerana di-jemput untok merasmikan pembukaan pameran ini. Saya ingin mengambil peluang ini menguchapkan terima kaseh kepada Pengarah Muzium serta kakitangan-nya atas kerja berat dan kebijaksanaan yang telah mereka berikan dalam kerja2 menyediakan dan memasang pameran ini.

Pameran sa-umpama ini ada-lah sangat di-perlukan. Sa-bagaimana kata pepatah Melayu:

"Jauh Di-Mata,  
Jauh Di-Hati."

dan ini boleh di-maksudkan dengan tepat-nya kepada orang ramai dan sikap mereka terhadap Angkatan Tentera Malaysia. Orang ramai yang jarang sekali menyaksikan askar2 kita, lebeh2 lagi angkatan laut atau pun udara kita, kechuali ketika mereka mengambil bahagian dalam upacara2 perbarisan dan upacara2 itu di-siarkan dalam Talivishen, dan oleh sebab itu orang ramai jarang mengingatkan perkhidmatan yang tidak mengenal penat lelah yang di-berikan oleh angkatan tentera kita, siang dan malam, di-sepanjang tahun, menjaga keselamatan negara kita daripada anchaman musuh dan menghalang pengganas komunis daripada mengganggu keamanan dan ke-maamoran kita.

Dalam pameran ini kita boleh memperolehi serba sedikit pengetahuan 'am berkenaan dengan Sejarah Angkatan Tentera, Angkatan Laut dan Angkatan Udara kita, berkenaan dengan Ketua2 Turus dan Pegawai2 Kanan yang lain, berkenaan dengan Uniform2 dan lenchana2 serta bendera2 ketiga2 Perkhidmatan itu, berkenaan dengan Senjata2 yang di-gunakan oleh-nya. Satu Diorama khas telah di-adakan untok menunjukkan kepada kita bagaimana askar2 kita hidup dalam hutan semasa meronda kawasan2 sempadan, baik di-Utara mahu pun di-Sabah dan Sarawak. Diorama ini telah di-susun sa-mula daripada gambar2 betul yang di-ambil dalam hutan dan saya berharap Diorama ini akan dapat menyedarkan mereka yang hidup aman damai serta di-kelilingi dengan kemudahan2 serba moden, akan kesusahan2 yang terpaksa di-alami oleh askar2 kita untok menjaga keselamatan kita. Satu Bahagian lain menunjukkan sa-pintas lalu kerja2 chemerlang yang telah di-lakukan oleh Angkatan Tentera kita dalam peristiwa Banjir baru2 ini, bukan sahaja di-Kuala Lumpur tetapi di-merata2 tempat dalam negara ini.


Satu bahagian Pameran ini pula menunjukkan beberapa keberanian yang di-lakukan oleh askar2 Malaysia yang telah di-akui dengan mendapat Bintang2 Keberanian dan sa-bilangan daripada pahlawan2 kebangsaan ini berada di-kalangan kita pada hari ini. Beberapa orang daripada mereka yang telah chedera parah dalam perjuangan dan telah kehilangan sa-bahagian daripada anggota mereka dalam mempertahankan kemerdekaan kita juga berada di-sini dan bagi pehak tuan2 semua saya mengalu2kan kedatangan mereka.

Sukachita saya mengetahui bahawa ada satu Bahagian dalam Pameran ini yang memberikan penerangan berkenaan dengan Bekas Perajurit2 Malaysia, Persatuan Bekas Perajurit dan perojek mereka yang telah di-sebut oleh Tan Sri Suffian hendak membena satu belok pejabat2 yang akan di-sewakan dan yang akan mendatangkan pendapatan untok menolong kerja2 kebajikan.

Saya menyokong sepenoh-nya kapada perojek Bangunan itu dan menguchapkan semoga perojek tersebut menchapai kejayaan. Saya di-fahamkan bahawa Pengelola Rayuan Bangunan itu telah menanggohkan usaha2 mereka memungut derma supaya tidak berlawanan dengan Rayuan Benchana Banjir, tetapi saya harap apabila Rayuan Bangunan itu di-buka sa-mula, orang ramai 'am-nya, dan mereka2 dalam bidang Perusahaan dan Perdagangan khas-nya, akan memberi sumbangan yang sama sa-bagaimana yang telah mereka tunjokkan ketika membantu mangsa2 Banjir. Chogan kata Rayuan Bangunan itu ia-lah pendek dan nyata ia-itu "BANTU-LAH MEREKA YANG MEMELIHARAKAN KESELAMATAN KITA." Sekarang dengan seberapa sukachita-nya saya rasmikan pembukaan Pameran Angkatan Tentera Malaysia ini.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.

30hb. Januari, 1971.



Faint, illegible text at the top of the page, possibly a header or introductory paragraph.

Second block of faint, illegible text, likely a continuation of the document's content.

Third block of faint, illegible text, possibly a concluding paragraph or signature area.

Faint text on the right side of the page, possibly a date or reference number.



No Siri	10
No Penerimaan	10/80